

# Perdana Menteri jelas timbulkan UM 28 SEP 1985 pihak2 guna kedudukan raja

KUALA LUMPUR 27 Sept. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan beliau terpaksa menimbulkan soal ada pihak-pihak tertentu yang menggunakan kedudukan raja-raja untuk kepentingan peribadi dalam perhimpunan agung kali ini kerana kegiatan itu telah dijalankan begitu lama dan kini sedang meningkat.

Kami tahu orang-orang yang terlibat dan nama mereka ada dalam simpanan kami.

"Mereka ini tidak ada kaitan dengan politik. Mereka ini mempunyai kepentingan perniagaan yang besar dan isu yang timbul ini berkaitan dengan perniagaan, jelas Perdana Menteri kepada para pemberita semasa perhimpunan agung ditangguhkan untuk rehat.

Dalam ucapan dasarnya, di Perhimpunan Agung di sebelah pagi, beliau telah berkata orang-orang yang berkepentingan ini berpendapat bahawa dengan melibatkan raja-raja dalam kegiatan peribadi mereka, mereka juga akan dilindungi oleh undang-undang, bahkan mereka dapat

membelakangkan segala dasar dan matlamat kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

Menghuraikan lebih lanjut pada para pemberita petang ini, beliau berkata kegiatan golongan yang tertentu ini cukup serius tetapi kerajaan serba-salah dalam mengambil tindakan..

"Oleh demikian ucapan saya pagi tadi adalah arahan terbuka kepada mereka supaya menghentikan tindak-tanduk itu untuk mengelakkan timbulnya salah faham di antara raja dan rakyat".

Ditanya sama ada kenyataan itu sensitif kerana melibatkan raja-raja, Datuk Sri Dr. Mahathir menjawab, "saya fikir raja-raja tahu niat kita ialah untuk melindungi sistem raja dari tercemar dan ditegur oleh rakyat.

"Jika rakyat berpendapat apa yang dianggap oleh mereka hak mereka dinafikan kerana tindak-tanduk orang tertentu maka rakyat akan membuat teguran kepada sistem yang membiarkan perbuatan ini berlaku.

"Kerana kami sayangkan sistem raja berpelembagaan kami perlu memberikan amaran awal,ujarnya.